

UBAT KUMUR TIMOL



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



MENGENAL ubat anda

Timol merupakan antiseptik dengan fungsi antibakteria dan antikulat. Ubat ini digunakan sebagai pencuci mulut atau ubat kumur mulut demi kesihatan dan kesegaran mulut serta merawat kesakitan tekak dan inflamasi mulut yang ringan.

BAGAIMANAKAH saya menggunakan ubat ini?

Cairkan ubat kumur timol dengan menambahkan 3 bahagian air suam ke dalam 1 bahagian ubat kumur pekat sebelum penggunaan. Ubat ini boleh digunakan 3 – 4 kali sehari.

Jumpa ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara betul untuk menggunakan ubat anda.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa satu dos, gunakan ubat kumur timol sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut untuk menggunakan ubat kumur timol dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat kumur timol yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku untuk ubat ini?

Ubat ini mungkin menyebabkan iritasi perut dan ruam kulit jika ditelan.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Ubat kumur timol tidak sesuai untuk bayi dan kanak-kanak kecil. Jangan telan ubat kumur timol.

Anda mesti beritahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat lain atau jika alahan berlaku semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: bengkak muka/mata/bibir mulut, kesukaran bernafas atau kegatalan ruam kulit yang merebak.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh daripada haba dan sinaran matahari langsung.

